

Rumah bagai di tapak sampah

KOSMO Jumaat 1/12/06

PETALING JAYA - Bagaikan tinggal di tapak pelupusan sampah.

Demikian rungutan penduduk Taman Kayu Ara Indah di sini yang sudah tidak sanggup berdepan masalah sungai berbau busuk dan hanyir hampir setiap hari.

Memang tidak dinafikan, kedudukan Sungai Kayu Ara yang terletak hanya beberapa meter sahaja dari rumah penduduk mengeluarkan bau tidak enak dipercayai daripada sisa kumbahan.

Tinjauan KOSMO! ke lokasi berkenaan mendapati, selain masalah air berbau, sungai itu turut berkeladak dan dicemari sampah sarap sehingga menyakitkan mata memandang.

Namun begitu, bau busuk itu akan berkurangan terutamanya selepas waktu hujan kerana air yang mengalir deras membawa semua sampah sarap dan bau-bauan itu ke kawasan lain.

Menurut seorang penduduk, Yahaya Ngah Sham, 60, limpahan air sungai yang berbau busuk itu datangnya dari sisa kumbahan sekitar Bandar Utama serta Taman Tun Dr. Ismail dan seterusnya akan mengalir ke Sungai Klang.

"Masalah ini sememangnya sudah lama berlaku dan sehingga sekarang penduduk terpaksa menghidu bau busuk air kumbahan yang datangnya dari kawasan perumahan sekitar.

"Sudahlah terpaksa melihat keadaan sungai yang dipenuhi sampah sarap, sekarang kami pula terpaksa menjadi mangsa bau busuk yang mengganggu ketenteraman penduduk di kawasan ini," katanya.

K. Puriasamy, 59, memberitahu,



AIR kumbahan dan sampah sarap dari sekitar Bandar Utama memasuki Sungai Kayu Ara sehingga menimbulkan pelbagai masalah kepada penduduk berhampiran.

air yang tercemar itu akibat daripada saluran kumbahan dari kawasan sekeliling yang disalurkan terus ke sungai berkenaan.

"Mana boleh perkara macam ini berlaku kerana pihak berkuasa sepatutnya lebih peka dengan ke-selesaian orang ramai yang tinggal di sini.

"Kami semua tak tahan nak hidu bau busuk ini hari-hari, cuba bayangkan kalau anda sendiri tinggal di sini dan terpaksa menghadapi

perkara yang sama," katanya.

Puriasamy menambah, keadaan sungai juga semakin melebar dari hari ke hari dan ditakuti sekiranya terus berlaku, ia boleh mengancam keselamatan penduduk yang tinggal berdekatan kawasan berkenaan.

"Walaupun pihak berkaitan pernah meletakkan penghadang batu di tepi sungai, namun runtuh tanah tetap berlaku sedikit demi sedikit dan kalau ini masih berlaku, saya khuatir perkara yang

tidak diingini akan berlaku kepada kami," katanya.

Sementara itu, seorang penduduk, Radziah Mat Zain, 46, memberitahu, pemantauan pihak berkuasa amat penting kerana mereka sendiri sudah buntu dengan masalah ini.

"Kami dah tak tahu nak buat apa melainkan menyeru pihak berkaitan untuk mengatasi masalah bau busuk dari sungai berhampiran," katanya.